
Apa yang
perlu
anda ketahui
tentang

AIDS **DAN** **UJIAN** **ANTIBODI HIV**

Satu Terbitan
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

"Kami Mementingkan Kesihatan Anda"

Apa yang perlu anda ketahui tentang **AIDS DAN UJIAN ANTIBODI HIV**

Kandungan	Mukasurat
a. Apa dia AIDS?	1
b. Bagaimana virus tersebut boleh menyebabkan AIDS	
c. Bagaimana seseorang itu boleh dijangkiti oleh HIV?	2
d. Benarkah sesetengah orang itu mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat AIDS?	3
e. Bagaimana mengurangkan risiko jangkitan HIV	4
f. Apa dia Ujian Antibodi HIV	
g. Apa yang akan diketahui melalui Ujian ini	5
h. Jika anda mempunyai Keputusan Ujian yang Positif	
i. Jika anda mempunyai Keputusan Ujian yang Negatif	6
j. Siapa yang harus diuji?	7

Apa dia AIDS?

AIDS ialah Acquired
Immune
Deficiency
Syndrome
(Sindrom Kurang Daya Ketahanan Melawan
Penyakit)

AIDS merupakan peringkat akhir sesuatu penyakit yang disebabkan oleh sejenis virus yang menyerang dan melemahkan badan dan akhirnya memusnahkan sistem ketahanan badan.

Dengan kemusnahan dalam sistem ketahanan badan ini, seseorang itu berkemungkinan:—

- mendapat jangkitan berbagai jenis kuman, termasuk kuman-kuman yang biasanya tidak menyebabkan penyakit di kalangan orang-orang yang normal.
- menderitai beberapa jenis penyakit barah yang jarang terjadi.

Virus yang menyebabkan AIDS digelar “human immunodeficiency virus (HIV).

Buat masa ini, ahli-ahli sains dan pakar-pakar perubatan masih belum menemui sebarang rawatan mahupun vaksin untuk penyakit AIDS. Kebanyakan pesakit AIDS akhirnya meninggal dunia akibat penyakit ini.

Bagaimana virus tersebut boleh menyebabkan AIDS?

Virus ini menyebabkan AIDS dengan melemahkan atau memusnahkan beberapa jenis sel darah putih yang biasanya menolong badan melawan penyakit. Jika sel tertentu ini musnah, sistem badan seseorang itu tidak boleh melindungi dirinya terhadap jangkitan atau mencegah beberapa jenis

barah. Oleh itu, pesakit AIDS akan terdedah kepada serangan jangkitan dan risiko barah yang biasanya dapat ditentang oleh sistem badan seorang yang sihat.

Walaupun pesakit-pesakit AIDS mungkin mendapat penyakit-penyakit yang berlainan, mereka semua mempunyai satu persamaan iaitu sistem ketahanan mereka tidak berfungsi kerana dijangkiti oleh HIV atau virus AIDS.

Setelah dijangkiti oleh virus tersebut, kebanyakan orang tidak mengalami sakit bagi satu tempoh yang berpanjangan tetapi virus ini terus membiak di dalam badan mereka.

Mereka ini disebut Pembawa HIV. Kemudian, mereka akan mendapat berbagai-bagai jenis penyakit akibat jangkitan oleh organisma-organisma lain dan akhirnya mengembangkan AIDS. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan bahawa dalam tempoh 5 tahun, sekurang-kurangnya 20 peratus mereka yang dijangkiti oleh HIV akan mengembangkan AIDS.

AIDS ialah peringkat terakhir penyakit akibat jangkitan HIV. Di peringkat inilah pesakit berkenaan akan mempunyai **gejala-gejala** seperti demam yang berpanjangan, kehilangan berat badan yang tidak diketahui sebabnya, cirit-birit, keletihan dan batuk yang berterusan. **jangkitan-jangkitan** seperti pneumonia dan beberapa jenis barah. Orang-orang yang mendapat AIDS biasanya tidak hidup lama.

Bagaimana seseorang itu boleh dijangkiti oleh HIV?

Adalah tidak mudah untuk dijangkiti oleh HIV. Virus ini mudah musnah dan tidak boleh hidup lama di luar badan manusia. Hanya terdapat 3 cara biasa yang membolehkan HIV masuk ke dalam badan:—

- 1) melalui perhubungan seks dengan seseorang yang telah dijangkiti
- 2) melalui sentuhan dengan darah yang telah dijangkiti di dalam atau pada jarum, syring, atau peralatan yang lain.

- 3) melalui ibu yang dijangkiti kepada anaknya sebelum, semasa atau sebaik sahaja selepas dilahirkan.

HIV daripada seseorang yang telah dijangkiti harus memasuki sel darah putih seorang yang lain untuk hidup. HIV hanya boleh memasuki badan seseorang apabila darah, air mani atau rembesan faraj seseorang yang dijangkiti bersentuhan dengan darah atau membran mukus seorang yang lain seperti semasa melakukan perhubungan seks.

Benarkah sesetengah orang itu mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat AIDS?

Ya. Sesetengah orang itu lebih berkemungkinan akan dijangkiti oleh HIV daripada sesetengah yang lain, bergantung kepada tabiat mereka. Ini disebabkan cara merebaknya virus berkenaan.

AKTIVITI-AKTIVITI YANG MEMPUNYAI RISIKO ADALAH:

- 1) mengadakan perhubungan seks dengan beberapa pasangan yang berlainan. Berkemungkinan salah seorang daripada pasangan seks anda telahpun dijangkiti oleh HIV.
- 2) mengadakan perhubungan seks dengan mereka yang mempunyai pasangan seks yang ramai seperti pelacur.
- 3) berkongsi jarum dan siring untuk mengambil dadah.

Bagi kebanyakan orang, peluang utama mendapat HIV ialah melalui aktiviti seksual. Risiko jangkitan virus ini meningkat dengan mempunyai pasangan seks yang ramai, sama ada heteroseksual atau homoseksual. Cara lain pula ialah dengan berkongsi jarum dan siring apabila menyuntik dadah. Penagih dadah mempunyai risiko jika mereka berkongsi jarum dan picagari kerana biasanya terdapat darah di dalam siring yang digilir-gilirkan daripada seorang kepada seorang yang lain.

Risiko mendapat AIDS tidak mengira siapa tetapi mengambil kira kegiatan apa yang dilakukan oleh seseorang itu.

Bagaimana mengurangkan risiko jangkitan HIV?

Cara yang paling pasti untuk mengelakkan terdedahnya kepada jangkitan HIV melalui aktiviti seksual ialah:

- * menjauhkan diri daripada mengadakan perhubungan seks sepenuhnya atau
- * mengadakan perhubungan seks hanya dengan satu pasangan yang tidak dijangkiti dan pastikan dia jujur kepada anda seorang sahaja.

Bagaimanapun, jika kedua-dua kaedah di atas tidak diamalkan, penggunaan kondom dengan **tetap** dan **betul** pada setiap kali melakukan perhubungan seks merupakan pelindung yang terbaik. Mereka yang mungkin akan terdedah ataupun telah terdedah kepada virus ini, hendaklah sentiasa menggunakan kondom, walaupun mereka juga menggunakan cara merancang keluarga yang lain.

Bagi para belia yang menggunakan dadah, cara yang terbaik dan terselamat untuk mengelakkan jangkitan HIV dan AIDS ialah — berhenti daripada mengambil dadah. Mereka dinasihati supaya mendapatkan pertolongan bagi membolehkan mereka mengikuti satu program pemulihan dadah. Penagih-penagih dadah hendaklah jangan sekali-kali berkongsi jarum atau siring dengan orang lain bagi mencegah jangkitan HIV dan merebaknya HIV.

Apa dia Ujian Antibodi HIV?

Ujian Antibodi HIV merupakan satu ujian darah yang mudah untuk mengesan kehadiran antibodi kepada HIV. Antibodi HIV adalah sejenis protein yang dihasilkan secara semulajadi di dalam badan untuk bertindak-balas kepada jangkitan HIV.

Ujian pemeriksaan antibodi ini amat penting kerana ia boleh memberi anda petunjuk yang awal jika anda dijangkiti oleh

HIV. Pengesanan awal boleh menolong meminimakan kemungkinan mengembangkan penyakit yang berkaitan dengan AIDS.

Bagaimanapun, anda perlu mengetahui bahawa ujian antibodi ini bukanlah satu ujian untuk penyakit AIDS – ia tidak menyatakan kepada anda semasa ada anda mempunyai AIDS atau tidak. Ujian ini hanya menunjukkan sama ada anda mempunyai virus tersebut yang boleh menyebabkan AIDS.

Apa yang akan diketahui melalui Ujian ini?

Satu keputusan ujian yang **positif** menunjukkan antibodi telah ditemui di dalam darah anda. Manakala satu keputusan ujian yang **negatif** menunjukkan antibodi tidak ditemui di dalam darah anda.

Jika anda mempunyai Keputusan Ujian yang Positif?

INI BERERTI:

- * Contoh darah anda telah diuji lebih daripada sekali dan ujian-ujian tersebut menunjukkan bahawa antibodi kepada HIV didapati wujud;
- * Anda telah dijangkiti oleh HIV dan badan anda telah menghasilkan antibodi.
- * Anda seorang yang berjangkit dan boleh memindahkan virus tersebut kepada orang lain melalui darah dan air mani/rembesan faraj anda.

INI TIDAK BERERTI:

- * Anda mempunyai AIDS atau "AIDS-RELATED CONDITION (ARC)" – satu keadaan yang berkaitan dengan AIDS.

- * Anda imun kepada AIDS.
- * Anda pasti mengembangkan AIDS.

Anda boleh memaksimalkan peluang anda untuk menjadi sihat dengan mengelakkan diri anda daripada bersentuhan dengan virus ini seterusnya dan juga jangkitan-jangkitan lain, dan memelihara satu cara hidup yang sihat.

Jika anda mempunyai Keputusan yang Negatif?

INI BERERTI:

- * tidak terdapat antibodi kepada HIV di dalam darah anda semasa ujian.
- * sama ada anda tidak dijangkiti oleh HIV atau pendedahan anda kepada virus ini adalah terlalu awal untuk dikesan dan untuk membentuk antibodi berkenaan.

Kebanyakan orang membentuk antibodi lebih kurang 2 – 12 minggu selepas pendedahan.

INI TIDAK BERERTI:

- * anda imun kepada virus ini
- * anda terlindung daripada jangkitan pada masa akan datang

Anda perlu mengelakkan diri anda daripada tingkah laku yang berisiko tinggi seperti perhubungan seks yang tidak selamat dan berkongsi siring dan jarum suntikan.

Siapa yang harus diuji?

Bukan semua orang. Hanya mereka yang berkemungkinan besar tersentuh dengan HIV sahaja yang perlu diuji.

Adalah disyorkan bahawa mereka yang di dalam kumpulan berikut yang berisiko tinggi supaya menjalani ujian:

- * penagih dadah yang menyuntik dadah
- * banduan
- * pelacur
- * orang yang mempunyai penyakit kelamin (STD)
- * lelaki homoseksual dan biseksual
- * lelaki dan perempuan yang mempunyai pasangan seks yang ramai
- * pasangan-pasangan seks orang yang dijangkiti

Perhatian:

- * Keputusan ujian anda adalah **sulit**. Orang lain tidak boleh mengetahuinya tanpa kebenaran anda.
- * **Kebenaran** daripada anda diperlukan sebelum ujian ini dijalankan.

***Jika anda memerlukan keterangan lanjut,
sila hubungi doktor anda.***

Diterbitkan oleh
Unit Pelajaran Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA